



BANTU: Mohd Rashid (tiga kiri) diiringi Kasim (tiga kanan) menyerahkan komputer riba kepada Nor Fasha (kiri) dan Crisnanalina (dua kiri) dalam pertemuan itu.

Yuran, komputer riba ihsan Canselor UMS

Untuk dua pelajar kurang berkemampuan, Crisnanalina Jumis dan Nor Fasha Natasha
UB 17.10.2024 P.06

KOTAKINABALU: Tidak hanya yuran pendaftaran pengajian, dua pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang kurang berkemampuan turut menerima sumbangan komputer riba ihsan daripada Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin.

Setiausaha Perhubungan Yang Dipertua Negeri, Datuk Mohd Rashid Mohd Tahir, berkata sumbangan itu bagi membolehkan pelajar berkenaan meneruskan pengajian dan merealisasikan impian masing-masing.

“Ini merupakan bantuan peribadi Tuan Yang Terutama Tun sendiri. Pada mulanya beliau terbaca dalam akhbar tempatan mengatakan bahawa ada pelajar tidak dapat melanjutkan pengajian untuk mendaftar sebagai pelajar di UMS.

“Jadi, Tun mengarahkan saya untuk berhubung dengan pihak UMS dengan Naib Canselor, kebetulan Tun adalah Canselor UMS beliau terpanggil membantu membuat pembayaran yuran dua pelajar ini,” jelasnya.

Dalam pertemuannya bersama Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor dengan dua pelajar, Crisnanalina Jumis

dan Nor Fasha Natasha, masing-masing dari Paitan dari Tawau, di sini kelmarin, Mohd Rashid memaklumkan kesediaan TYT membantu mana-mana pelajar kurang bernasib baik.

“TYT juga meminta saya menyampaikan kepada UMS sekiranya ada masalah lain atau pelajar lain, maka Naib Canselor diminta menyampaikan maklumat supaya mereka dapat dibantu,” katanya.

Sementara itu, anak keempat daripada lapan beradik, Nor Fasha Natasha ketika ditemui menyatakan syukur dan terima kasih kepada pihak Istana Seri Kinabalu atas bantuan yang diterimanya.

Beliau berazam untuk membuktikan kemampuan dalam Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

“Saya memang mahu memohon Ijazah Doktor Perubatan di UMS, alhamdulillah saya dapat, tetapi terpaksa menolak pada awalnya atas kekangan kewangan saya dan keluarga.

“Saya tiada memohon bantuan sebab saya punya perancangan asal, saya mahu tangguh pengajian selama satu tahun untuk cari kerja dan kumpul duit bayar yuran.

“Kursus perubatan ini, yurannya agak tinggi sekitar RM2,700 ke atas.

“Bapa saya sudah meninggal dunia, ibu saya mengharapkan bantuan daripada kerajaan. Saya ada tiga abang, ketiga-tiganya tidak sambung belajar, jadi saya sedang membawa harapan besar daripada keluarga saya untuk mencapai cita-cita,” ujarnya.

Turut membawa harapan keluarga, seorang anak penoreh getah, Crisnanalina yang merupakan anak sulung daripada lima bersaudara yang ditawarkan pengajian dalam Fakulti Perhutanan Tropika (FPT).

Selepas dimaklumkan mengenai bantuan yuran pendaftaran, dia sangat bersyukur dan terus melepaskan pekerjaannya di sebuah restoran di Paitan untuk membuat persiapan ke UMS.

“Saya amat bersyukur sebab saya tidak sangka saya boleh dapat bantuan sampai saya dapat sambung di sini.

“Sebenarnya, saya mahu tolak tapi saya berfikir mungkin kalau saya tolak sayang juga, jadi selepas saya tahu ada bantuan saya terus berhenti kerja dan urus dokumen masuk UMS,” katanya. — Penerangan